

Bil.( 24 ) dlm. P.KEW.N.PK.D.R.50/1/4 -3



**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BILANGAN 2 TAHUN 2014**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**PEMBELIAN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP) MELALUI  
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

**1. TUJUAN**

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memberi penjelasan dan garis panduan kepada semua PTJ mengenai prosedur pembelian SSP secara EFT di Bank Simpanan Nasional (BSN).

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mulai 1 Januari 2015, pihak bank akan mengenakan caj proses cek dengan kadar RM 0.50 sen untuk setiap cek kepada pihak yang mengeluarkan cek.
- 2.2 Sejalan dengan itu, pejabat ini telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kerjasama bersama pihak BSN bagi menggantikan cara pembayaran melalui cek masa kini kepada EFT. Langkah ini dapat mengurangkan penggunaan cek oleh PTJ dan seterusnya dapat mengelakkan dari dikenakan caj oleh pihak bank.

## **3. PELAKSANAAN**

- 3.1 Bagi tujuan ini, pihak BSN telah membuka akaun Maybank Islamic bernombor 564490101331.
- 3.2 PTJ perlu menggunakan akaun ini apabila melibatkan pembelian SSP bagi kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atau Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) seperti Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 2012.
- 3.3 Akaun ini hanya boleh digunakan bagi tujuan pembelian SSP sahaja.
- 3.4 Akaun ini tidak boleh menerima sebarang bentuk terimaan yang lain dari PTJ. PTJ perlu menggunakan akaun terimaan sedia ada sekiranya terdapat sebarang terimaan.

## **4. PANDUAN MENDAPATKAN SSP**

Bagi mendapatkan SSP ini, PTJ perlu mematuhi panduan seperti di **Lampiran A**.

**5. TARIKH KUATKUASA**

Surat pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(FUZIAH BT DERASA)**  
Bendahari Negeri,  
b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

**Tarikh: 20 Jun 2014**

**“KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI”**